

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS BORNEO UTARA



27.595
ANU

Nik Anuar Nik Mahmud

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS BORNEO UTARA

Nik Anuar Nik Mahmud

PUSTAKA PERDANA



1009181

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2001

Kandungan

Prakata ... 9

Pendahuluan ... 11

- 1 Pertapakan British di Borneo Utara ... 15
 - 2 Pengukuhan Hak Milik British ke Atas Borneo Utara ... 23
 - 3 Tuntutan Sultan Sulu ke Atas Borneo Utara dan Reaksi British ... 40
 - 4 Penyerahan Borneo Utara kepada Britain dan Reaksi Waris Sultan Sulu ... 50
 - 5 Isu Tuntutan Filipina ke Atas Borneo Utara ... 63
 - 6 Rundingan London dan Reaksi British ... 86
 - 7 Rundingan Manila ... 98
- Kesimpulan: Borneo Utara Bukan hak Filipina ... 113
- Rujukan ... 117*
- Indeks ... 121*

Prakata

Hubungan Malaysia dengan Filipina dapat dikatakan baik. Namun begitu, isu Sabah masih menghantui kemesraan hubungan antara kedua-dua negara. Kerajaan Filipina masih lagi belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah yang dikemukakan kepada kerajaan British pada 22 Jun 1962. Walaupun bekas Presiden Marcos dan Aquino pernah berjanji untuk membuat demikian. Pada awal 1990an, waris Kesultanan Sulu masih mengulangi tuntutan ke atas Sabah, malah telah mengugut untuk melancarkan perang 'jihad' terhadap Malaysia kiranya kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf ataupun membayar ganti rugi kepada mereka. Ugutan itu diulangi lagi oleh pihak yang berkepentingan pada tahun 2001.

Setakat ini tidak banyak kajian yang dihasilkan tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah, maka buku ini merupakan suatu usaha untuk mengisi kekurangan itu. Kajian ini cuba memaparkan tentang asal usul dan perkembangan pertikaian antara Britain dengan Filipina dan waris Kesultanan Sulu berhubung dengan Borneo Utara. Iaitu pada zaman wilayah itu di bawah pemerintahan kolonial sehingga terbentuknya Persekutuan Malaysia. Adalah menjadi harapan saya agar buku ini akan menarik minat bukan sahaja peminat-peminat sejarah tetapi juga para penggubal dasar dan ahli undang-undang yang berminat terhadap kajian pertikaian wilayah.

Saya amat terhutang budi kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di atas kesudiannya untuk membiayai kajian berkaitan dengan persoalan kedaulatan dan keutuhan wilayah negara. Pada kesempatan ini, saya berbesar hati untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr. Shahrir Mohd. Zain, bekas Timbalan Naib Canselor (Akademik) serta beberapa orang teman lain, khususnya Dato Kamaruddin Jaafar, Dato A. Nazri Abdullah dan Tuan Haji Abdullah Ali di atas sokongan mereka bagi menjayakan penyediaan ini. Juga diucapkan berbilang terima kasih kepada Sdr. Drs. Abdul Murat Mat Jan, Tuan Haji Wan Rusik Wan Yusof dan

Sdr. Anwar Omar Din kerana sudi membaca beberapa bahagian manuskrip asal bagi kesempurnaan teks.

Akhir sekali, saya suka untuk menyampaikan rasa penghargaan kepada rakan-rakan di Jabatan Sejarah kerana memberi pelbagai bantuan dan pertolongan yang tidak terhingga sehingga berjayanya penulisan ini.

Nik Anuar Nik Mahmud
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia